

15 AUG 1999

Najib-generasi

GENERASI LEPAS MERDEKA TIDAK HARUS LUPA KPERJUANGAN PEMIMPIN NEGARA

KUALA LUMPUR, 15 Ogos (Bernama) -- Generasi selepas merdeka yang hidup dalam keadaan selamat dan mewah tidak harus lupa jasa dan sumbangan pemimpin yang telah mengasaskan negara ini ke tahap yang membanggakan, kata Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak.

Katanya, jika generasi muda tidak mengenang budi dan tidak melengkapkan diri atau buta sejarah mengenai perjuangan pemimpin, usaha untuk terus membina satu generasi yang mempunyai nilai-nilai mengenang budi yang boleh membawa negara ke arah tuju yang sempurna tidak tercapai.

"Sambutlah obor perjuangan yang diasaskan oleh pemimpin negara kerana sebagai generasi ke dua dan ketiga selepas merdeka kita harus sanggup teruskan perjuangan jika mahu negara ini terus maju," katanya di majlis penyampaian anugerah kepimpinan belia Tun Abdul Razak, di sini malam ini.

Seramai 57 belia yang menyertai latihan sembilan hari itu menerima anugerah masing-masing daripada isteri Allahyarham Tun Abdul Razak, Tun Hajah Rahah Mohd Noah.

Najib juga menggariskan lima panduan untuk menjadi pemimpin yang berkesan iaitu:

- + percaya kepada diri sendiri,
- + mempunyai nilai diri agar dihormati,
- + mempunyai visi yang boleh dikongsi oleh orang lain,
- + mempunyai perasan sayang kepada kerjaya dan;
- + menyayangi orang lain

Beliau berkata pemimpin perlu bijak dalam semua bidang dan tidak hanya muncul semata-mata untuk membakar semangat orang lain supaya mengikuti arahan mereka.

"Contoh terbaik ialah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang telah berjaya menaikkan semangat semua lapisan masyarakat Malaysia supaya menerima Wawasan 2020 bagi memajukan negara," kata beliau.

--BERNAMA

ARA zb